

05/02/2005

MINES-LANCAR

MINES LANCAR "LAUNCHPAD", TEMPAT MAJLIS KORPORAT

KUALA LUMPUR, Feb 5 (Bernama) -- MINES Resort City hari ini melancarkan tempat termoden bagi mengadakan acara korporat dikenali sebagai "LAUNCHPAD".

Pengarah urusan Country Heights Holdings Bhd, Tan Sri Lee Kim Yew berkata "LAUNCHPAD" merupakan tempat paling sesuai bagi pelbagai acara yang menawarkan campuran perkhidmatan istimewa mengatasi tempat yang biasa ditawarkan di hotel.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran "LAUNCHPAD" oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

LAUNCHPAD juga menawarkan perkhidmatan menyeluruh, tanpa masalah dengan rumusan pengurusan nilai tambah sepenuhnya tanpa sebarang kos overhead, kata Lee.

-- BERNAMA

MAZ FR NHD